Al-Imam An-Nasa'i رضي الله عنه (wafat 303H)

Nama lengkap beliau Abu 'Abdirrahman Ahmad bin Syu'ib bin 'Ali bin Bahar bin Sinan bin Dinar An-Nasa'i رضي الله عنه, lahir di satu desa yang bernama Nasa' di daerah Khurasan pada tahun 215H.

Beliau adalah seorang ulama' hadits yang terkenal, yang mana kitabnya termasuk kitab hadits yang enam, iaitu Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ibnu Majah, Tirmizi dan Nasa'i.

Guru-guru beliau di antaranya adalah Ishaq Ibnu Rahuyah رضي الله عنه, Yunus bin 'Abdul Ya'la رضي الله عنه (sahabat/murid Imam Syafi'i رضي الله عنه), Qutaibah bin Sa'id Hasan bin Muhammad Za'farani رضي الله عنه, Abu Daud As-Sijistani رضي الله عنه dan lain-lain.

Tersebut dalam kitab Sunan Nasa'i, bahagian terjemahan pengarang, bahawa beliau adalah seorang yang berpegang teguh kepada Mazhab Syafi'i dan mengarang sebuah kitab "Manasik haji" atas dasar Mazhab Syafi'i.

Di antara kitab-kitab yang dikarang beliau adalah :

1. Kitab hadits Sunan Nasa'i, 4 jilid besar.
2. Kitab Manasik.
3. Kitab Sunan Al-Kubra.
4. Dan lain-lain.

Riwayat beliau sedikit menyedihkan.

Pada tahun 302H, beliau datang ke Damaskus, di mana ketika itu yang berkuasa adalah pengikut-pengikut Saiyidina Mu'awiyah رضي الله عنه yang membenci Saiyidina 'Ali رضي الله عنه.

Banyak orang ketika itu yang menghina Saiyidina 'Ali رضي الله عنه.

Imam Nasa'i ﷺ bukan kaum Syi'ah, tetapi beliau mencintai Ahlil Bait, khususnya Saiyidina 'Ali ﷺ. Beliau mengarang sebuah kitab untuk menerangkan kelebihan-kelebihan Saiyidina 'Ali ﷺ.

Dengan keluar dan beredarnya kitab ini menjadikan penguasa di Damaskus marah kepada beliau. Akhirnya beliau diusir dari Damaskus, sampai-sampai khabarnya dipukuli sehingga beliau wafat di sesuatu tempat yang bernama Ramlah di Syria. Ada oarng mengatakan bahawa jenazahnya dibawa ke Makkah dimaqamkan antara Sofa dan Marwah.

Berkata Imam Daruqutni ﷺ, bahawa Imam Nasa'i ﷺ adalah seorang ulama' yang terkenal di zamannya.

Berkata Abu Ja'afar Tahawi ﷺ bahawa Imam Nasa'i ﷺ adalah Imam umat Islam seluruhnya.

Berkata Abu 'Ali Nisaburi ﷺ bahawa Imam Nasa'i ﷺ adalah Imam Hadits tidak ada yang membantah keimamannya itu.

Sumber : SEJARAH DAN KEAGUNGAN MAZHAB SYAFI'I, Oleh: K.H Sirajuddin Abbas